



TEKS UCAPAN

**YANG BERHORMAT DATUK SERI DR. RONALD KIANDEE
MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN**

SEMPENA

**MAJLIS APRESIASI PAMERAN PERTANIAN,
HORTIKULTUR DAN AGRO PELANCONGAN**

***MALAYSIA AGRICULTURE, HORTICULTURE AND
AGROTOURISM SHOW***

(MAHA 2022)

2 SEPTEMBER 2022

Terima kasih saudara pengacara majlis

YANG BERHORMAT DATUK SERI HJ AHMAD BIN HAMZAH
Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan I

YANG BERBAHAGIA DATO' HASLINA BINTI ABDUL HAMID
Ketua Setiausaha
Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI)

Pengurusan Tertinggi MAFI

Pengerusi-Pengerusi Agensi

Ketua-Ketua Jabatan dan Agensi MAFI

Wakil-wakil Kementerian dan Agensi Luar

Wakil-wakil Kerajaan Negeri

Rakan-rakan Acara

Rakan-rakan Strategik

Rakan-rakan Media

Seterusnya saudara dan saudari khususnya para petugas, pegawai-pegawai
dan barisan urusetia yang saya kasihi sekalian

Salam Sejahtera dan Salam Keluarga Malaysia

1. Pertamanya, saya menzahirkan rasa syukur dapat kita sama-sama hadir di Majlis Apresiasi Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agro Pelancongan (MAHA) 2022.
2. Bahang penganjuran MAHA 2022 masih segar di ingatan, dihangatkan lagi, kita semua Keluarga Malaysia baru sahaja menyambut Hari Kebangsaan. Salam Kemerdekaan dan Selamat Menyambut Hari Kebangsaan yang ke-65!

“Keluarga Malaysia, Teguh Bersama”

Tuan-Tuan dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian,

3. Bertemu lagi kita selepas MAHA 2022 melabuhkan tirai kira-kira 3 minggu yang lalu. Satu memori yang cukup indah, satu pengalaman yang cukup berharga untuk kita semua.
4. Sepanjang 11 hari, bermula 4 hingga 14 Ogos yang lalu, kita telah mempersempahkan kepada seluruh Keluarga Malaysia satu pameran yang luar biasa, “*a world class showcase*” menerusi penganjuran MAHA 2022.
5. Kita boleh menyelami perasaan dan reaksi orang ramai yang datang ke MAHA. Mereka berasa seronok walaupun terpaksa bersesak, ada yang datang 2, 3 kali kerana itulah kepuasan kepada mereka.
6. Saya juga amat bersyukur kerana sepanjang MAHA 2022 berlangsung, segalanya dapat berjalan lancar dan baik tanpa sebarang gangguan.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian,

7. Majlis Apresiasi MAHA 2022 ini merupakan sebahagian daripada penghargaan MAFI kepada sekretariat MAHA 2022 dan barisan petugas yang telah menjayakan penganjuran MAHA 2022.
8. Ini termasuklah;
 - Semua KSU merentasi Kementerian;
 - Semua Ketua Jabatan/Agensi dan Setiausaha Bahagian serta petugas yang telah menerajui Jawatankuasa Kecil tertentu yang menggerakkan 22 segmen MAHA;
 - Kerajaan-Kerajaan Negeri;
 - Rakan-rakan strategik MAHA, sama ada syarikat swasta, individu atau badan bukan kerajaan (NGO) yang tidak dapat saya sebutkan di sini satu persatu;
 - Tidak dilupakan, rakan-rakan media MAHA; dan
 - Warga MAFI dan semua pihak yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung.
9. Suka saya kongsikan di sini, sebanyak 30 Jawatankuasa Kecil telah dibentuk bagi merangka cadangan pengisian program sepanjang 11 hari MAHA berlangsung.
10. Untuk aktiviti promosi sahaja, sebaik penganjuran Majlis Pra-Pelancaran MAHA pada 6 Jun 2022 dilancarkan, beberapa siri jelajah atau program *Road-to-MAHA* telah diadakan di seluruh negara mengikut zon iaitu di Kedah, Kelantan, Johor, Sabah dan Sarawak melalui pengisian aktiviti berbentuk pameran, ceramah, demonstrasi, *pocket talk*, persembahan dan jualan.

11. Siri Jelajah tersebut diakhiri bersama rakan-rakan media dalam Program Media Tour di MAEPS, Serdang pada 31 Julai 2022, beberapa hari menjelang MAHA.
12. Terima kasih dan tahniah saya ucapkan kepada semua yang terlibat dalam penganjuran MAHA 2022. Anda semua memang hebat!

Tuan-Tuan dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian,

13. Seperti yang saya sebutkan sebelum ini, MAHA 2022 berjaya merekodkan kehadiran pengunjung seramai 1.47 juta iaitu 1.2 juta adalah pengunjung secara fizikal dan 270,000 pengunjung secara maya, melebihi sasaran awal iaitu 1.1 juta orang pengunjung.
14. Aktiviti perdagangan dan perniagaan sepanjang 11 hari pameran ini pula telah merekodkan hasil jualan sebanyak 281.57 juta ringgit yang meliputi jualan terus, jualan atas talian serta padanan perniagaan, berbanding sasaran sebanyak 250 juta ringgit.
15. Bagi aktiviti padanan perniagaan bersama syarikat pemasar dari luar negara pula, sebanyak 160 syarikat tempatan telah terlibat sepanjang MAHA diadakan.
16. Pasaran luar negara yang terlibat adalah seperti dari negara China, Jepun, Australia, Jerman, Thailand, United Kingdom, Singapura dan Timur Tengah melibatkan potensi jualan berjumlah 68.2 juta ringgit.
17. Selain itu, MAHA kali ini juga telah menyaksikan pemeteraian 33 perjanjian Memorandum Persefahaman (MoU) melibatkan nilai pelaburan sebanyak 5.64 bilion ringgit. Perjanjian kerjasama ini melibatkan pelbagai pihak yang terdiri daripada pengusaha antarabangsa dan pengusaha tempatan.

18. Manakala, potensi pembiayaan yang direkodkan oleh Agrobank pula melibatkan 3,322 permohonan dengan jumlah keseluruhan sebanyak 511.8 juta ringgit.
19. MAHA kali ini adalah satu kejayaan yang cukup cemerlang. Sekali lagi, syabas saya ucapan kepada semua.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian,

20. Kejayaan MAHA 2022 juga adalah bukti bahawa tiada yang mustahil untuk dilakukan jika kita semua berganding bahu ke arah satu matlamat yang sama.
21. Begitu juga dalam misi kita, Kerajaan menerusi MAFI terus komited dalam meningkatkan sekuriti makanan negara sekali gus berupaya menjana pendapatan yang lebih tinggi untuk barisan petani serta menyumbang kepada pembangunan ekonomi negara selaras dengan Dasar Agromakanan Negara 2021 – 2030 (DAN 2.0).
22. Pengukuhan sekuriti makanan negara ini merupakan proses yang berterusan dan usaha sama yang utuh (*collaborative efforts*) amat diperlukan daripada semua pihak termasuk Kementerian dan Agensi Kerajaan, Kerajaan Negeri, pihak swasta, badan bukan kerajaan (NGO) dan rakyat secara keseluruhan.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian,

23. Sebagai sebuah pameran pertanian berprestij yang sentiasa ditunggu-tunggu oleh rakyat Malaysia, kita cuba bawa kelainan dalam setiap pengajuran MAHA kerana inilah satu-satunya pameran berkaitan pertanian untuk kita tonjolkan perkembangan dan kemajuan dalam sektor tersebut.

24. Seperti yang saya katakan semasa Majlis Penutupan MAHA 2022, edisi MAHA berikutnya iaitu MAHA 2024 akan dianjurkan sebagai sebuah pertanian mega dengan memperluaskan penyertaan pempamer-pempamer dan rakan-rakan strategik dari luar negara.
25. Adalah menjadi harapan saya juga untuk melihat MAEPS sentiasa dipenuhi dengan aktiviti-aktiviti berkisarkan pertanian dan agro-pelancongan melalui penggunaan secara optimum fasiliti-fasiliti yang telah disediakan.
26. Ringkasnya, kejayaan penganjuran MAHA 2022 adalah hasil titik peluh dan kesungguhan tuan-tuan dan puan-puan semua. Tanpa kerjasama erat anda semua yang berada dalam dewan ini dan yang tidak dapat hadir di luar sana, mustahil kita dapat menyaksikan kemeriahinan dan kegemilangan yang ditonjolkan dalam MAHA 2022.
27. Akhir kata, sekali lagi saya rakamkan penghargaan dan terima kasih kepada barisan sekretariat, urusetia, petugas keselamatan dan sukarelawan yang sentiasa bersiap sedia dalam apa juar keadaan dalam memastikan penganjuran MAHA 2022 tempoh hari berjalan dengan lancar.

Terima kasih semua! Sekian.